DATUK MOHMED MISBUN BIN HAJI MOHD SIDEK

Misbun Sidek dilahirkan pada 17 Februari 1960 di Kanchong Darat, Banting, Selangor. Beliau merupakan seorang bekas pemain badminton kebangsaan Malaysia.

Zaman Kanak-Kanak

Visi Datuk Sidek Abdullah Kamar adalah untuk melihat anak-anaknya menjadi jaguh badminton dan menjadikan Misbun (anak lelaki sulung) sebagai eksperimen. Ketika usianya mencecah 7 tahun (1967), beliau dilatih oleh bapanya di gelanggang badminton di hadapan rumah mereka di kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor. Selang beberapa tahun kemudian, Razif dan Jalani turut mengikuti latihan badminton. Pada peringkat awal, bakat Misbun adalah kurang menyerlah dan ditenggelami adiknya Razif atau dikenali Mok. Sejak kategori bawah umur 15 tahun, Misbun mula menewaskan Razif yang muda 2 tahun darinya.

Karier Awal

Pada usia 16 tahun, Misbun Sidek terpilih mewakili negara dalam Kejohanan Jemputan Asia di Hong Kong berikutan kejayaannya muncul juara kategori bawah 18 tahun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Selain kejohanan itu, beliau juga terpilih ke Terbuka Australia yang dikenali "Silver Bowl". Di peringkat kebangsaan, Misbun terus mengekalkan dominasinya dan melakar gelaran hatrik bawah 18 tahun (1978), diikuti kategori bawah 21, setahun kemudian. Pada 11 November 1976,

Stadium Negara bergema selepas Misbun muncul juara bawah 18 tahun manakala adiknya, Razif dan Jalani muncul juara bawah 15 tahun MSSM selepas menewaskan pasangan Negeri Sembilan, Michael Chua dan Lim Jit Eng 15-10, 15-1. Razif unggul dalam acara perseorangan dengan menewaskan pemain Pulau Pinang, Chung Peng Hoong 15-9, 15-3.



Haji Sidek bersama Anak-anaknya



Misbun pada tahun 1976

Misbun bertembung buat pertama kali dengan Razif dalam kategori 18 tahun merebut gelaran Novices Selangor di Dewan SBA, Kampung Attap pada 30 Januari 1977. Misbun muncul juara bawah 18 tahun MSSM manakala Razif unggul dalam kategori bawah 15 tahun. Misbun menewaskan Razif dalam saingan sengit rubber game 10-15, 15-5, 15-2.



Bersama peminat di zaman kegemilangan mereka setelah menempa nama

Setahun kemudian, ketika usianya 18 tahun, Misbun terpilih menjalani latihan skuad Piala Thomas negara bersama dengan pemain senior ketika itu antaranya Suffian Abu Bakar, James Selvaraj, Saw Swee Leong, Phua Ah Hua Moo Foot Lian, Ong Teong Boon, Ho Khim Soon dan Kwek Chiew Peng



Misbun yang ketika itu pemain no 1 Malaysia bersama Sompol pemain no 1 Thailand

Karier Seterusnya

Setelah mengalahkan Liem Swie King di Sukan SEA Manila 1991, beliau memenuhi nazarnya dengan mencukur rambut ala 'Mohican'. Kejayaan itu melayakkan Misbun bergelar Olahragawan Kebangsaan 1981. Ketika final Piala Dunia 1982 di Stadium Negara, Misbun Sidek tewas kepada bintang Indonesia, Lim Siew King. Dalam laluannya ke final, dia menundukkan pemain terkemuka seperti Luis Pongoh dari Indonesia, Morten Frost Hansen (Denmark) dan Prakash Padukone (India).

Pada awal September 1982, ketika persiapan menghadapi Sukan Komanwel dan Asia, Misbun meninggalkan kem latihan skuad negara di Pusat Latihan Polis (Pulapol) bersama rakannya, Ajib Mohiddin. Selain muncul naib juara dunia, Misbun juga memenangi Terbuka Sweden dan mengekalkan kejuaraan kebangsaan pada 1982.

Setahun kemudian, dia muncul juara Terbuka Jerman, Sweden, Kanada, separuh akhir Piala Dunia dan tempat ketiga Kejohanan Grand Prix Dunia. Dalam kejohanan Piala Dunia, Misbun tewas kepada pemain Indonesia, Hastomo. Malah penampilan warna warni Misbun sedikit sebanyak membantu Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan hasil jualan tiket luar dugaan. Pada 19 Ogos 1983, ketika Misbun bertemu Jens Peter Nierhoff dari Denmark, dilaporkan BAM mengutip tiket berjumlah RM70,000, keesokannya bertemu pemain China, Chen Changjie (RM117,000) manakala ketika tewas kepada Hastomo, jualan tiket adalah RM128,840.

Pada 7 Oktober 1983, Misbun menempa sejarah sebagai pemain pertama Asia Tengara dan kedua Asia selepas jaguh India, Prakash Pradukone menjadi pemain profesional di bawah International Management Group (IMG). Pengiktirafan itu suatu yang menakjubkan kerana Misbun kini setaraf dengan bintang antarabangsa lain di bawah IMG seperti Bjorn Borg, Jimmy Connors, Jack Nicklaus, Arnold Palmer, Sebastian Coe dan Alberto Salazar.

Misbun Sidek menunaikan haji di Mekah ketika usianya 24 tahun (1984). Namun pada 30 September 1984, Misbun tiba-tiba sakit akibat kekeringan air dalam badan di Mekah dan pulang ke tanah air pada 4 Oktober 1984 sekaligus mewakili Malaysia ke Terbuka Kanada pada bulan yang sama.

Pada 8 Januari 1985, keluarga Sidek mewakili negara dalam kejohanan luar negara. Misbun, Razif, Jalani, Rahman dan Rashid terpilih beraksi bersama di pentas antarabangsa di Terbuka Hong Kong. Misbun merangkul naib juara Piala Thomas pada 1988 selepas tewas kepada China 4-1 dan bersara setahun kemudian kerana keadaan fizikalnya tidak mengizinkan. Misbun pernah merangkul pingat emas bagi acara perseorangan lelaki badminton pada Sukan SEA 1981 di Manila, Juara Badminton Kebangsaan Malaysia (1981, 1982, 1983, 1984, 1986, 1987); Naib juara Piala Dunia 1982; Naib juara Seluruh England 1986; Naib juara Grand Prix Badminton Dunia 1988 dan Naib juara Piala Thomas 1988 (berpasukan lelaki). Jasa Misbun Sidek dikenang sebagai jurulatih yang telah melahirkan ramai jaguh seperti Roslin Hashim, Hafiz Hashim dan Dato' Lee Chong Wei.

PAMERAN
ANAK-ANAK SIDEK



PENCAPAIAN

1976 - 1978
Juara Perseorangan Lelaki Bawah Umur 18 tahun Kebangsaan

1979
Juara Perseorangan Lelaki Bawah Umur 21 tahun Kebangsaan

1980
Pemegang Pingat Gangsa Bergu Lelaki Kejohanan Dunia (bersama Jalani), Jakarta

1981
Juara Perseorangan Terbuka Jerman
Juara Perseorangan Kebangsaan Malaysia
Emas Perseorangan Sea Games di Manila

1982
- Juara Perseorangan Terbuka Sweden
- Naib Juara Perseorangan Piala Dunia
- Semi Finalis Perseorangan All England
- Juara Perseorangan Kebangsaan Malaysia

1983
Juara Perseorangan Terbuka Jerman
Juara Perseorangan Terbuka Sweden
Juara Perseorangan Terbuka Kanada
Semi Finalis Perseorangan Kejohanan Dunia
Tempat ke-3 Perseorangan Sirkit Pro-Kennex

1985
Juara Perseorangan Kebangsaan Malaysia

1986
Juara Perseorangan Terbuka Malaysia
Juara Perseorangan Kebangsaan Malaysia

1987
Juara Perseorangan Terbuka Chinese Taipei
Juara Perseorangan Piala Konica (Singapore)
Juara Perseorangan Kebangsaan Malaysia

1988
Naib Juara Perseorangan Akhir Grand Prix Dunia

1990,1992,1994
Tenaga jurulatih Piala Thomas Malaysia

1996
Tenaga jurulatih ke Sukan Olimpik, Atlanta

1998,2000

Tenaga jurulatih Piala Thomas Malaysia

2002

- Memenangi 3 pingat emas dalam acara perseorangan lelaki, berpasukan dan bergu campuran bawah kategori 35 tahun ke atas di World Masters Games, Melbourne, Australia.
- Tenaga jurulatih Piala Thomas Malaysia
- Menerima penghargaan khas daripada Persatuan Badminton Melayu Malaysia
- Menerima Penghargaan khas daripada Majlis Sukan Negeri Selangor
- Menerima Anugerah Jurulatih Kebangsaan daripada Majlis Sukan Negara

2004

Tenaga jurulatih Piala Thomas Malaysia
Tenaga jurulatih ke Sukan Olimpik, Athen

2005

Tenaga Jurulatih Ke Kejohanan Dunia, California USA

2006

Tenaga Jurulatih Piala Thomas Malaysia
Tenaga Jurulatih Malaysia ke Sukan Asia, Doha

2007

Anggota Kejurulatih Kebangsaan ke Kejohanan Dunia, Kuala Lumpur

2008

- Anggota Kejurulatihan ke Sukan Olimpik Beijing China [bersama Lee Chong Wei menang pingat perak & Wong Mew Choo]
- Anggota Kejurulatihan Piala Thomas Kebangsaan Jakarta (bersama Lee Chong Wei, Hafiz Hashim & Wong Mew Choo]
- Anggota Kejurulatihan ke Pusingan Akhir Super Series Masters Dunia, Kota Kinabalu, Sabah [bersama Datuk Lee Chong Wei , menang pingat emas & Wong Mew Choo]

2009

- Menerima anugerah Jurulatih Terbaik Kebangsaan Majlis Sukan Negara
- Anggota Kejurulatihan Ke Pusingan Akhir Super Series Masters Dunia, Johor Bahru, Johor [bersama Datuk Lee Chong Wei - menang pingat emas & Wong Mew Choo - menang pingat emas]
- Ketua Jurulatih Program Kem Bakat Badminton KBS-Nusa Mahsuri Kebangsaan [2009]
- Penasihat skuad badminton Badan Amal & Kebajikan Isteri-Isteri Menteri & Timbalan Menteri (BAKTI)

2010

- Anggota Kejurulatihan ke Kejohanan Terbuka Seluruh England (bersama Lee Chong Wei- memang pingat emas)
- Anggota Kejurulatihan Kebangsaan ke Sukan Komanwel (bersama Lee Chong Wei menang pingat emas; berpasukan campuran menang pingat emas)
- Anggota Kejurulatihan Kebangsaan ke Sukan Asia (bersama Lee Chong Wei menang pingat perak)
- Anggota Kejurulatihan ke Pusingan Akhir Super Series Master (bersama Lee Chong Wei muncul juara buat tiga tahun berturut-turut)

2011

Anggota Kejurulatihan ke Kejohanan Terbuka Malaysia (bersama Lee Chong Wei muncul juara buat tujuh tahun berturut-turut)





2012

Anugerah Tokoh sukan Selangor

Terkini

Pengarah Pembangunan Remaja Persatuan Badminton Malaysia

